BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 15/19/04

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Khamis, 16 Mei 2019

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Pertama 2019

Ekonomi Malaysia meningkat 4.5% pada suku pertama 2019

Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh pada suku tersebut. Dari segi penawaran, sektor utama terus berkembang, kecuali sektor perlombongan disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak dan gas asli susulan penutupan loji pengeluaran yang tidak dirancang. Pertumbuhan sektor pertanian yang meningkat semula (S1 2019: 5.6%; S4 2018: -0.1) disebabkan oleh pemulihan hasil minyak sawit yang kukuh telah memberi dorongan tambahan kepada pertumbuhan. Berdasarkan pelarasan bermusim suku tahunan, ekonomi negara meningkat 1.1%.

Pada suku pertama, purata inflasi keseluruhan ialah -0.3% (S4 2018: 0.3%). Inflasi keseluruhan menjadi negatif pada bulan Januari dan Februari (masing-masing -0.7% dan -0.4%) disebabkan oleh harga bahan api domestik yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, inflasi keseluruhan kembali positif pada bulan Mac (0.2%) apabila harga minyak global yang semakin meningkat mendorong kepada peningkatan harga bahan api domestik. Inflasi teras - tanpa mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan - tidak berubah pada 1.6%.

Pengasasan Semula Tahun Asas bagi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia daripada Harga Tahun Asas 2010 kepada Harga Tahun Asas 2015

Bermula suku pertama 2019, KDNK Malaysia pada harga malar telah diasaskan semula kepada harga tahun asas 2015 daripada harga tahun asas 2010. Pengasasan semula tahun asas yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics, Malaysia, DOSM) mencerminkan penambahbaikan

terhadap sumber dan liputan data, serta peningkatan metodologi, selaras dengan piawaian antarabangsa bagi penyusunan statistik.

Perkembangan kadar pertukaran

Pada suku pertama 2019, ringgit menambah nilai sebanyak 1.4% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Hal ini didorong terutamanya oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin yang berjumlah RM13.5 bilion. Walau bagaimanapun, sejak bulan April, ringgit telah menyusut nilai sebanyak 2.2% berbanding dengan dolar AS (pada 15 Mei), sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau. Tekanan penyusutan nilai baru-baru ini mencerminkan sentimen pelabur yang berhati-hati dalam pasaran kewangan global berikutan prospek pertumbuhan global yang bertambah lemah serta ketidakpastian mengenai perkembangan geopolitik dan perdagangan global.

Pada masa depan, ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil

Permintaan sektor swasta dijangka kekal sebagai peneraju pertumbuhan dalam keadaan perbelanjaan sektor awam yang lebih rendah. Pertumbuhan sektor luaran dijangka meningkat sedikit seiring dengan permintaan global yang sederhana. Secara keseluruhan, unjuran asas menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang antara 4.3% hingga 4.8% pada tahun ini.

Pada tahun 2019, purata inflasi keseluruhan dijangka berada antara 0.7% hingga 1.7%. Inflasi teras dijangka stabil, disokong oleh kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

Bank Negara Malaysia
16 Mei 2019

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Jadual 1:

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2018 (%)	2018			2019
		S1	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	94.1	4.1	5.7	5.5	4.4
Sektor Swasta	*74.2*	5.2	7.8	7.1	5.9
Penggunaan	*57.0*	*6.6*	*8.4*	*8.0*	*7.6*
Pelaburan	*17.3*	*1.1*	*5.8*	*4.3*	*0.4*
Sektor awam	*19.8*	-0.3	0.0	0.1	-1.4
Penggunaan	*12.5*	*0.4*	*4.0*	*3.3*	*6.3*
Pelaburan	*7.4*	*-1.3*	*-5.9*	*-5.0*	*-13.2*
Eksport Bersih	7.0	58.0	15.5	11.4	10.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*67.6*	*2.4*	*3.1*	*2.2*	*0.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*60.6*	*-2.3*	*1.8*	*1.3*	*-1.4*
KDNK	**100.0**	**5.3**	**4.7**	**4.7**	**4.5**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.3**	**1.3**	**-**	**1.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2:

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

Pertumbuhan tahunan (%)	Bahagian 2018 (%)	2018			2019
		S1	S4	Tahun	S1
Perkhidmatan	56.7	6.5	6.9	6.8	6.4
Perkilangan	22.4	5.2	4.7	5.0	4.2
Perlombongan	7.6	-0.6	-0.7	-2.6	-2.1
Pertanian	7.3	3.1	-0.1	0.1	5.6
Pembinaan	4.9	4.9	2.6	4.2	0.3
KDNK Benar	**100.0[1]**	**5.3**	**4.7**	**4.7**	**4.5**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia